

## BAB 2

### PENTAKRIFAN AL-QUR'ĀN

Nabi Muhammad S.A.W diutuskan bukan sahaja kepada manusia malahan kepada semua makhluk. Perutusan baginda menjadi rahmat kepada seluruh alam sepertimana firman Allah:

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴾

Maksud:

“ Dan tidak Kami utuskan engkau wahai Muhammad melainkan untuk menjadi rahmat sekalian alam”

Sūrah al-Anbiyā' (15):107

Sesungguhnya Allah tidak membiarkan Nabi Muhammad S.A.W begitu sahaja tetapi dibekalkan dengan wahyu yang memandu dan memimpin Baginda dalam gerak kerja sebagai Rasul dan pemimpin umat. Justeru, setiap aspek pengajaran, tutur bicara serta apa juga yang terbit dan lahir dari baginda adalah wahyu, sebagaimana firman Allah:

﴿ وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴾

Maksud:

Dan tidak ia ( Muhammad ) berkata mengikut hawa nafsunya, sesungguhnya melainkan apa yang diwahyukan.

Sūrah al-Najm (53):4

Nabi Muhammad S.A.W. ketika menyampaikan risalahnya dibimbing terus menerus oleh Allah Ta'ala dengan perantaraan wahyu tersebut. Al-Qur'an adalah wahyu yang merupakan mukjizat agung yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. untuk menjadi panduan dan dasar kehidupan manusia. Seluruh isi alam mendapat rahmat sekiranya manusia berpegang kepadanya. Allah menegaskan dalam firman Nya .

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ  
وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

Maksud:

“Wahai manusia sesungguhnya telah datang kepadamu nasihat dari Tuhanmu, dan ubat bagi yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang yang beriman.”

Sūrah Yunus (10):57

Sesungguhnya al-Qur'an itu *kalamullah* yang diturunkan untuk menjadi panduan hidup manusia yang lengkap, mengandungi prinsip-prinsip dan dasar-dasar umum dan khusus yang menyentuh semua aspek kehidupan di dunia dan akhirat. Panduannya melangkaui ruang waktu, keadaan dan tempat. Pengajaran al-Qur'an meliputi semua aspek kehidupan dan keperluan manusia Rasulullah S.A.W.menerusi maksud sabdanya, Baginda telah menjelaskan:

“Daripada Ali katanya: Ingatlah aku telah mendengar Rasulullah bersabda: “Awaslah sesungguhnya akan berlaku kekacauan besar dan bala bencana” “Aku bertanya, “Apakah caranya untuk menyelamatkan diri dari bencana itu Ya Rasulullah?” Baginda menjawab : “Caranya ialah berpegang teguh kepada ajaran Kitab Allah (al-Qur’ān ), ia mengandungi kisah perihal umat-umat terdahulu dari kamu dan berita perkara-perkara yang akan datang sesudah kamu,serta hukum-hukum mengenai apa yang berlaku antara kamu,dia yang menjadi pemutus antara yang benar dan yang salah bukan keterangan yang olok-olok, sesiapa juga dari golongan yang sombong dan angkuh meninggalkannya (tidak melaksanakan hukumnya) akan dibinasakan oleh Allah, dan sesiapa yang mencari petunjuk lain, dia akan disesatkan oleh Allah, al-Qur’ān ialah tali Allah yang teguh kukuh dan pengajaran yang menjadi ikutan dan dialah juga *Sirat al-Mustaqim*, kitab yang dengan sebab berpegang teguh kepada ajarannya hawa nafsu seseorang tidak akan menyeleweng atau terpesong, dan ia adalah kitab yang kalimah-kalimahnyanya tidak bercampur aduk atau kesamaran dengan kata-kata makhluk, alim ulama pula tidak jemu mengkaji isi kandungan. Keindahan, kemanisan dan kelazatan membacanya tidak akan susut atau hilang meskipun ia dibaca berulang-ulang dan kandungannya yang menakjubkan tidak berkesudahan. Dialah kitab yang menjadikan sekumpulan Jin semasa mendengar tidak tertahan: hati menerimanya sehingga mereka memujinya dengan berkata: “Sesungguhnya kami mendengar bacaan al-Qur’ān yang menakjubkan yang memimpin ke jalan yang benar lalu kami beriman”. Demikian juga sesiapa yang memperkatakan sesuatu dengan berdasarkan kitab ini benarlah perkataannya dan sesiapa yang beramal dengan ajarannya diberikan pahala dan sesiapa yang membuat keputusan berdasarkan hukum-hukumnya adillah keputusannya dan sesiapa yang berdakwah supaya orang ramai menurut ajarannya sudah tentu ia beroleh hidayah petunjuk ke jalan yang lurus.”<sup>33</sup>

## 2.1 DEFINISI AL-QUR’ĀN.

### 2.1.1 DARI ASPEK BAHASA

Para ulama berbeza pendapat mengenai lafaz al-Qur’ān, sebahagian mereka mengatakan lafaz al-Qur’ān itu adalah *mahmūz*. Mereka yang

---

<sup>33</sup> Muhammad Noor bin Ibrahim (1989) *Mastika Hadith Rasulullah*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h 217.

berpendapat demikian ialah *al-Zajāj*,<sup>34</sup> *al-Lihyānī*<sup>35</sup>. Sebahagian yang lain mengatakan tidak *mahmūz* pendapat ini dipegang oleh *Imam al-Syafie*,<sup>36</sup> *al-Farra*<sup>37</sup> dan *al-Asy'ari*.<sup>38</sup> Penjelasan terhadap dua pandangan tersebut ialah:

( i ) Lafaz al-Qur'ān adalah *mahmūz*. Pendapat ini diwakili oleh:

a- *Al-Zajāj* yang menyebut lafaz al-Qur'ān itu ada *hamzah* atas *wazan* ( فعلا ) dari kalimah ( القرء ) bererti menghimpun kerana al-Qur'ān menghimpun segala isi kitab yang terdahulu.<sup>39</sup>

b- *Al-Lihyānī* yang menyebut bahawa lafaz al-Qur'ān itu *mahmūz* atas *wazan* ( الغفران ) dari kata kerja ( قرء ) dinamakan ( مقروء ) "pecahan dari ( قرء ) dengan makna telah dibaca ( قراءة ) bermakna bacaan."<sup>40</sup>

( ii ) Lafaz Al-Qur'ān tidak *mahmūz*. Pendapat ini diwakili oleh:

a- Imam al-Syafie berpendapat bahawa al-Qur'ān itu ialah nama bagi *kitabullah*. ia tidaklah ada *hamzah* dan tidak diambil dari ( قرء ) tetapi dia adalah nama bagi *kitabullah* seperti *Tawrat* dan *Injil*.<sup>41</sup>

---

<sup>34</sup> *Al-Zajāj* ialah Ibrahim Ibn al-Sari bergelar Abu Ishak pengarang kitab Ma'ani al-Qur'ān wafat 311 H.

<sup>35</sup> *Al-Lihyānī* ialah Abū Hassan 'Alī Ibn Hazim, seorang ahli bahasa yang terkenal meninggal pada tahun 215 H.

<sup>36</sup> *Al-Syafii*. Muhammad bin Idris al-Syafii, beliau dilahirkan di Ghazah Palastine, seorang tokoh ilmuan Islam. Aliran pemikirannya terkenal dengan Mazhab al-Syafii, meninggal pada tahun 240 H.

<sup>37</sup> *Al-Farra* ialah Yahya Ibn Zayd al-Daylamī, dikenali dengan nama Abū Zakariya seorang ahli nahu di Kufah meninggal pada tahun 207 H.

<sup>38</sup> *Al-Asy'arī* ialah Abū Hassan bin Ismail, lahir di Baṣrah seorang tokoh Ilmu Kalam dari mazhab Ahli Sunnah wa al-Jama'ah.

<sup>39</sup> *Al-Sayyid al-Qūmi* et al. (1986), *'Ulūm al-Qur'ān*, h. 8.

<sup>40</sup> Dr. Ṣubḥi Salleh (1985), *Mabaḥiṯ fi 'Ulūm al-Qur'ān*, c. 16. Kaheerah: Dar al-Ilmiy lil Malayeen. h 19.

<sup>41</sup> *Al-Zarkasyī* ( t.t ). *Al-Burhān fi 'ulūm al-Qur'ān. Muhammad Abu al-Faḍl* (ed.) Kahirah: 'Isa al-Bābī al-Halabī. h. 277.

b- Menurut al-Qurṭūbī<sup>42</sup> “al-Qur’ān tidak ada hamzah ia diambil, dari perkataan ( قرآن ) kerana ayat-ayat al-Qur’ān hampir serupa antara satu sama lain dan saling membenarkan antara satu sama lain, sebab itu dinamakan ( قرآن ).<sup>43</sup>

c- Bagi al-Farra beliau berpendapat “al-Qur’ān itu diambil daripada kalimah ( القرآن ) jamak dari kalima ( قرينة ) bererti pertalian kerana ayat al-Qur’ān hampir sama antara satu sama lain dan huruf nun( ن ) di hujung perkataan al-Qur’ān itu adalah huruf asal bukan tambahan .<sup>44</sup>

d- Menurut al-‘Asy’arī dan pengikutnya “al-Qur’ān itu berasal daripada perkataan ( قرن الشيء بالشيء ) “Sesuatu itu diletakkan berdekatan antara satu sama lain” kerana ayat-ayat dalam al-Qur’ān itu dihimpun dan diletakkan sebelah menyebelah antara satu sama lain.<sup>45</sup>

Selain daripada mereka, terdapat para ulama yang turut membincangkan isu ini di antaranya:

a- Athur Jeffery menukilkan pendapat Ibn al-Athir mengatakan “Perkataan al-Qur’ān ini asalnya bererti himpunan dan setiap apa yang kamu bacakan, dan dinamakan al-Qur’ān itu kerana ia merupakan kumpulan cerita-cerita,

---

<sup>42</sup>Al-Qurṭūbī ialah Abdullah Ahmad bin Abu Bakr bin Farakh dilahirkan di Andalusia dan meninggal pada tahun 671

<sup>43</sup>Al-Zarkasī ( t.t ) *op.cit.*, j.1. h. 277 .

<sup>44</sup>*Ibid*

<sup>45</sup>*Ibid*

perintah-perintah, larangan-larangan, janji baik dan buruk, kumpulan ayat-ayat dan surah-surah dan ia adalah nama terbitan seperti ( غفران ) dan ( كفران )<sup>46</sup>.

b- Menurut al-Jauhari mengatakan al-Qur'ān bukan nama terbitan daripada perkataan lain, bahkan nama khas kepada *kalamullah*, ada yang mengatakan bahawa ia pecahan daripada perkataan ( القراء ) dengan makna ( الجمع ).<sup>47</sup>

c- Al-Raghib al-Aṣṣḥānī (1158 M) mengatakan: “al-Qur'ān pada asalnya kata nama seperti ( كفران ) dan ( رجحان )<sup>48</sup> berdasarkan firman Allah:

ان علينا جمعه وقرآنه فاذا قرأنا فاتبع قرآنه.

e- Qatādah dan Abu 'Ubaydah pula menyatakan bahawa istilah al-Qur'ān adalah kata terbitan daripada ( قرء ) seperti dalam al-Qur'ān.<sup>49</sup> berdasarkan firman Allah: ان علينا جمعه وقرآنه فاذا قرأناه فاتبع قرآنه

Abd Mun'im al-Namr dalam analisisnya lebih cenderung kepada pendapat yang mengatakan al-Qur'ān itu masdar daripada ( قرء ) yang seerti dengan ( تلا ) ini kerana ayat pertama yang diturunkan bermula dengan ( اقرأ بسم ربك ) iaitu ( القراءه ) Beliau seterusnya mengatakan tidak ada perbezaan pendapat antara al-Syafie yang mengatakan al-Qur'ān itu adalah nama yang diberikan oleh Allah dengan pendapat al-Qur'ān itu daripada kalimah ( قرء ) atau ( قرن ) kerana masing-

<sup>46</sup> Athur Jeffery ( 1972 ), *Muqaddimah fi 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaheerah: Maktabah al-Khanji, h. 281.

<sup>47</sup> Al-Zarkasyī ( t.t. ) *op. cit.*, j.1, h. 277

<sup>48</sup> Al-Raghib al-Aṣṣḥānī ( t.t. ), *Mu'jam Mufradat al-fāz al-Qur'ān* .Nadim Marasyli (ed).Beirut:Dar al-Kutub al-Arabī, h.414.

<sup>49</sup> Dr.Thameem Usama ( 1998 ), *Sciences Of The Qur'an: An Analytical Study*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia coop.Ltd., h. 16.

masing mempunyai hujah untuk menyokong pendapat mereka, malahan istilah al-Qur'ān terdapat sebanyak 70 kali diulang dalam al-Qur'ān.<sup>50</sup>

Pendapat al-Lihyāni dan al-Zajjāj adalah pendapat yang paling kuat dan rajih, kerana lafaz al-Qur'ān dari segi bahasa ialah kata *maṣḍar* yang seerti dengan perkataan (القرءة)<sup>51</sup>. Contohnya firman Allah ان علينا جمعه وقرآنه فاذا<sup>52</sup>. Contohnya firman Allah ان علينا جمعه وقرآنه فاذا. Menurut Dr Ṣubhī Ṣalleh perkataan (قرء) digunakan oleh orang Arab tidak dengan makna membaca tetapi dengan makna-makna lain. Perkataan (قرء) dengan makna membaca diambil oleh orang Arab daripada bahasa Aram yang digunakan seharian sehingga masyhur dengan makna bacaan. Sebagaimana pendapat G. Bergstraesser bahawa bahasa Aram, Habsyah dan Parsi telah meninggalkan kesan yang banyak kepada bahasa Arab, kerana bahasa tersebut adalah bahasa bagi bangsa-bangsa yang telah bertamadun yang hidup berjiran dengan bangsa Arab pada beberapa kurun sebelum hijrah. Dr. Ṣubhī Ṣalleh menyimpulkan oleh kerana perkataan (قرء) dengan makna membaca yang asalnya daripada bahasa Aram telah digunakan oleh orang Arab sejak sebelum Islam lagi maka bolehlah dianggap perkataan itu sebagai sebahagian dari bahasa Arab sendiri. kemudian digunakan oleh Islam untuk menjadi nama bagi kitabnya yang mulia itu".<sup>52</sup>

Menerusi ayat-ayat al-Qur'ān Allah menjelaskan bahawa al-Qur'ān itu ada tiga pengertian:

<sup>50</sup> *Ibid.*, h.17.

<sup>51</sup> Dr. Ṣubhī Ṣalleh (1985). *op. cit.*, h. 19.

<sup>52</sup> Naṣr Abū Zayd (2000). *op. cit.*, h. 63.

Pertama: Al-Qur'ān bererti bacaan, firman Allah:

ان علينا جمعه وقرآنه فاذا اقرءه فاتبع قرآنه

Kedua : Al-Qur'ān bererti sembahyang, firman Allah:

اقم الصلوة لعلك تلذق الشمس الى غسق الليل وقرء ان الفجر ان قرء ان الفجر كات مشهودا

Ketiga : Al-Qur'ān bererti Kitab Allah, firman Allah:

انا انزلناه قرآنا عربيا لعلكم تعقلون

### 2.1.2 DARI ASPEK ISTILAH.

Al-Qur'ān telah ditakrifkan oleh para sarjana dengan berbagai-bagai takrifan yang hampir sama antara satu sama lain, iaitu:

a- Muhammad Farīd Wajdf mentakrifkan sebagai nama bagi kitab yang diturunkan ke atas *Rasul Allah* Muhammad bin Abdullah Nabi akhir zaman dan ia adalah kitab *samawi* yang terakhir diturunkan.<sup>53</sup>

b-Dr Ibrahim Anis menyebut: "al-Qur'ān adalah *kalamullah* yang diturunkan ke atas Rasulullah yang ditulis dalam *maṣḥaf*."<sup>54</sup>

c-Al-Jurjānī mengaskan: "al-Qur'ān ialah kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W yang ditulis dalam *Mashaf*, dan yang dipindahkan kepadanya secara *mutawātir*."<sup>55</sup>

<sup>53</sup> Muhammad Farīd Wajdf ( t.t ), *Daerāt al-Ma'arif al-Qarn al-'Isyrin*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 7.

<sup>54</sup> Dr. Ibrahim Anis ( t.t ), *Al-Mu'jam al-Wāsiṭ*, J. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h.722

<sup>55</sup> Al-Jurjānī ( 1938 ). *Al-Ta'arifat*, Kaherah: Mustafā al-Bābf al-Halabf, h. 152



d- Al-Zarqānī menyebut: “lafaz yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W yang dipindahkan secara *mutawātir* dan menjadi ibadah membacanya.”<sup>56</sup>

e- Dr Bakri Syaikh Amin menjelaskan bahawa al-Qur’ān ialah kalam Allah yang bermukjizat yang diturunkan kepada Nabi dan Rasul yang terakhir menerusi perantaraan Jibril tertulis dalam *maṣḥaf*, dihafaz di dada dipindahkan secara *mutawātir*, menjadi ibadah membacanya dimulakan dengan *sūrah al-Fātiḥah* diakhiri dengan *Sūrah al-Nās*.<sup>57</sup>

f- Ibn Manẓur berkata: “al-Qur’ān itu ialah nama bagi *kalmullāh* yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. sebagai kitab yang membezakan antara yang benar dan yang salah, dan al-Qur’ān juga bermakna himpunan kerana ia mengumpulkan surah-surah.”<sup>58</sup>

Walaupun pelbagai pengertian al-Qur’ān yang dikemukakan oleh ulama tersebut berbeza disebabkan perbezaan latar belakang bidang ilmu mereka, namun mereka bersepakat mengatakan bahawa al-Qur’ān adalah wahyu. Allah telah menamakan wahyu-Nya dengan al-Qur’ān bersesuaian dengan isi kandungannya yang mengandungi berbagai-bagai rahsia dan hikmat

## 2.2. NAMA- NAMA AL-QUR’ĀN .

---

<sup>56</sup> Muhammad Abd ‘Azīm al-Zarqānī ( t.t ), *Manāhil al-‘Irfān fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, j. 1. Kaherah: Dār al-Iḥyā’ al-Kutub al-Arabiyyah, h. 19.

<sup>57</sup> Dr. Bakri Syaikh Amin ( 1994 ). *Al-Ta’abir al-Fannī fi al-Qur’ān al-Karim*. Beirut: Dār al-‘Ilm: lil Ma’alāy in, h. 9.

*Al-Kitāb* dan *al-Qur'ān*. Dinamakan *Al-Wahy* itu dengan *al-Kitāb* kerana terhimpun padanya tulisan, sementara perkataan *Al-Kitābah* bererti himpunan beberapa huruf dan ikisan huruf bagi perkataan. Dinamakan *al-Qur'ān* bererti ia dihafaz kerana perkataan *al-Qur'ān* bererti mengingat dan menghafaz dan terhimpun di dada-dada manusia. Antara dua nama tersebut maka *al-Qur'ān* adalah yang paling masyhur sebagai pengenalan kitab Allah itu.<sup>59</sup>

Selain dua nama di atas, nama-nama lain bagi *al-Qur'ān* ialah:

- A. *Al-Furqān* kata terbitan yang dinamakan kepada sistem yang mulia kerana ia membezakan antara hak dan batil atau membezakan sebahagian dengan sebahagian yang lain yang diturunkan berbentuk surah dan ayat.<sup>60</sup>

Firman Allah:

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ﴿١﴾

Sūrah al-Furqan (25): 1

- B. *Al-Dhikr* berdasarkan firman Allah:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Sūrah al-Hijr ( 15 ): 9

<sup>58</sup> Ibn Manẓūr ( t.t ), *Lisān al-'Arab*. Abdullah Ali al-Kabir ( ed ) j. 6. Kaherah: Dār al-Ma'arif, h. 2563

<sup>59</sup> Dr. Şubhī Salleh ( 1985 ) *op. cit.*, h. 20.

<sup>60</sup> Jalal al-Dīn 'Abd al-Rahman Abi Bakr Al-Suyūfī ( 1995 ). *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān* j. 1, c. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h.113.

*Al-Dhikr* ini adalah peringatan ataupun pengajaran dan amaran kepada seluruh penduduk alam.<sup>61</sup>

C. *Al-Tanzil* berdasarkan firman Allah :

وَإِنَّهُ لَتَنْزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٢﴾

Sūrah al-Syua'ra (26) : 192

*Al-Tanzil* memberi erti al-Qur'ān adalah wahyu yang diturunkan ke dalam dada Rasulullah S.A.W.<sup>62</sup>

Imam al-Zarkasyī menyebut sebanyak lima puluh lima nama bagi al-Qur'ān. Nama-nama lain bagi al-Qur'ān itu ialah *al-Nūr*, *al-Wahy*, *al-Huda*, *al-Azīz*, *al-Bayān*, *al-Rahmat*, *al-Majīd*, *al-Basyir* dan lain-lain.<sup>63</sup>

Dari penjelasan dan huraian di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa para ulama sepakat mengatakan bahawa al-Qur'ān itu ialah *kalamullah* yang mempunyai mukjizat diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. ditulis dalam *maṣḥaf* dipindahkan secara *mutawātir* dan membacanya adalah ibadat, orang yang mengingkarinya menjadi kafir.<sup>64</sup>

---

<sup>61</sup> *Ibid.*

<sup>62</sup> *Ibid.*

<sup>63</sup> Al-Zarkasyī ( t.t ), *op. Cit.* h. 273

<sup>64</sup> Pengertian ini adalah melengkapi bagi semua takrif yang dikemukakan oleh ulama. lihat Al-Zarqānī ( t.t ) *op. cit.* h. 19.

### 2.3. AL-QURAN ADALAH AL-WAHY.

Al-Qur'an adalah wahyu yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya Muhammad S.A.W. untuk menjadi petunjuk dan panduan kepada umat manusia. Sesungguhnya manusia tidak mampu mengendalikan bahtera kehidupan mereka tanpa wahyu sekalipun mereka telah dianugerahkan mahkota akal yang menjadi kebanggaan sebahagian daripada kalangan mereka. Kenyataan al-Qur'an adalah wahyu sesuatu yang amat sukar dinafikan sekalipun terdapat usaha berabad-abad lamanya oleh musuh-musuh Islam yang sentiasa mencabar kewibawaan dan kapasiti al-Qur'an sebagai kitab wahyu.

Wahyu adalah lebih umum dari al-Qur'an kerana setiap ayat al-Qur'an adalah wahyu tetapi tidak semua wahyu itu al-Qur'an. Wahyu yang umum merangkumi *Hadis Nabawi* dan *Hadis Qudsi*. Nabi-Nabi terdahulu juga menerima wahyu seperti mana Nabi Muhammad S.A.W. Cieh itu bukanlah Baginda sahaja menerima wahyu, ini adalah kerana sumber hidayah dan matlamatnya adalah satu. Kerana adanya persamaan itu maka Allah menamakan perutusan Muhammad itu sebagai wahyu. Berdasarkan firman Allah:

﴿ إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَى نُوحٍ وَالنَّبِيِّينَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَوْحَيْنَا إِلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَعِيسَى إِنَّهُنَّ وَيُونُسَ وَهَارُونَ وَمُوسَى وَآدَمَ إِنَّنَا ذَاؤُدَ زُبُورًا ۗ ﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah mewahyukan kepada engkau sebagaimana Kami telah mewahyukan kepada Nuh dan nabi-nabi selepasnya. Kami telah mewahyukan juga kepada Ibrahim, Ismail, Yaakub dan anak-anaknya. Begitu juga kepada Isa, Ayub, Yunus, Harun dan Sulaiman dan Kami berikan Kitab Zabur kepada Daud.“

Sūrah al-Nisā' (4): 163-164

### 2.3.1 DEFINISI AL-WAHY:

Menurut Imam al-Zuhri<sup>65</sup> wahyu ialah apa-apa yang diwahyukan oleh Allah kepada nabi dari kalangan nabi-nabi-Nya, dan Allah menetapkan wahyu itu di dalam hati-hati mereka.<sup>66</sup> Perkataan *Wahy* itu telah disebut oleh al-Qur'an sebanyak 70 kali dengan pelbagai makna atau maksud.<sup>67</sup>

#### 2.3.1.1 DARI SEGI BAHASA:

Pemberitahuan secara sembunyi dan cepat. *Wahy* adalah isyarat yang cepat, ia terjadi secara rumus atau lambang sama ada melalui suara atau isyarat anggota badan.<sup>68</sup> Perkataan *Wahy* adalah masdar memberi dua pengertian asas iaitu ( الْخَفَاءُ ) rahsia atau tersembunyi dan ( السَّرْعَةُ ) cepat dan segera. Oleh itu dikatakan *Wahy* ialah pengetahuan secara tersembunyi dan cepat yang khusus

---

<sup>65</sup> Imam al-Zuhri ialah Muhammad bin Syihāb al-Zuhri orang yang pertama mengumpul hadis-hadis Rasulullah. Mannā' Khalil al-Qaṭṭān ( 1992 ), *Mabāhith fi 'Ulūm al-Hadis*. c.2. Kaerah: Maktabah Wahbah, h. 35.

<sup>66</sup> Al-Suyūṭī ( 1995 ), *op. cit.*, j. 2, h. 98.

<sup>67</sup> Dr. Abd Razak Nawfal ( 1987 ), *Al-I'jāz al-'adadi lil Qur'ān al-Karīm*, c. 5. Beirut: Dār al-Kitāb al-Arabī, h. 77.

<sup>68</sup> Mannā' Khalil al-Qaṭṭān ( 1997 ), *Mabāhith fi 'Ulūm al-Qur'ān*, c. 10. Kaerah: Matba'ah al-Madani, h. 26.

ditujukan kepada seseorang tanpa diketahui oleh orang lain. Mannā' Khalil al-Qaṭṭān menerangkan pengertian *wahy* dari aspek bahasa<sup>69</sup> berdasarkan firman Allah di antaranya ialah:

a. *Wahy* bererti ilham semulajadi yang ada pada manusia seperti *wahy* kepada ibu Musa. Firman Allah:

واوحينا الى ام موسى ان ارضعيه.

b. *Wahy* bererti ilham secara naluri bagi binatang. Firman Allah:

واوحى ربك الى النحل ان اتخذى من الجبال بيوتا ومن  
الشجر وما يمرشون

c. *Wahy* bererti isyarat yang cepat dengan cara simbol atau anggota. Firman Allah:

فخرج على قومه من المحراب فأوحى اليهم ان سبحوا  
بكرة وعشيا.

d. *Wahy* bererti waswas syaitan. Firman Allah:

وكذلك جعلنا لكل نبي عدوا شياطين الجن والأنس ينوحى بعضهم الى بعض  
زخرف القول غرورا.

e. *Wahy* bererti godaan Syaitan. Firman Allah:

”وان الشياطين ليوحون الى اوليائهم ليحادلوكم.”

f. *Wahy* bererti perintah yang diberikan oleh Allah kepada Malaikat supaya dilaksanakan dengan segera. Firman Allah:

”اذ يوحى ربك الى الملائكة ابي معكم فثبتوا الذين آمنوا.“

---

<sup>69</sup> *Ibid.*

### 2.3.1.2. PENDAPAT ULAMA :

- A. Muhammad Rasyid Riḍa menyatakan bahawa *Wahy* ialah pengetahuan yang didapati oleh seseorang dalam dirinya disertai keyakinan bahawa pengetahuan itu datang daripada Allah, sama ada dengan perantaraan atau pun tidak".<sup>70</sup>
- B. Al-Zarqānī mendefinisikan *Wahy* sebagai pemberitahuan Allah kepada hamba-Nya yang dipilih, akan segala sesuatu yang ia kehendaki untuk menampakkannya daripada berbagai-bagai hidayah dan pengetahuan akan tetapi dengan jalan rahsia yang tidak biasa bagi manusia.<sup>71</sup>
- C. 'Afif 'Abd Fattāh al-Ṭabbārah: *Wahy* ialah pemberian Allah kepada Nabi-Nabi dan para Rasul-Nya, suatu ilmu pengetahuan keagamaan. <sup>72</sup>
- D. Mannā' Khalil al-Qaṭṭān: *Wahy* ialah pemberitahuan Allah kepada orang yang dipilih-Nya dari kalangan hamba-Nya yang berupa hidayah dengan cara tersembunyi dan segera.<sup>73</sup>

### 2.4 BENTUK AL-WAHY:

Terdapat dua bentuk *wahy* yang diturunkan oleh Allah<sup>74</sup> iaitu

- A. *Wahy* yang diturunkan kepada Malaikat. Dalam al-Qur'ān terdapat ayat mengenai cara *wahy* diturunkan kepada Malaikat. Allah bercakap

---

<sup>70</sup>Muhammad Rasyid Ridla ( 1983 ), *Wahyu Ilahi Kepada Muhammad*.Josef C.D. ( terj. ), Bandung : PT Karya Nusantara, h. 89.

<sup>71</sup>Al-Zarqānī ( t.t ) *op.cit.*, j. 1, h. 63.

<sup>72</sup>'Afif 'Abd Fattāh al-Ṭabbārah ( 1985 ), *Rūh al-Din al-Islamī*,c. 23. Beirut: Dār al-'Ilm lil Malāyin, h. 19.

<sup>73</sup>Mannā' Khalil al-Qaṭṭān ( 1997 ).*op.cit.*, c. 10, h.27.

<sup>74</sup>Mannā' Khalil al-Qaṭṭān ( 1997 ). *op. cit.*, c. 10, h. 28.

dan Malaikat mendengarnya dan sujud kepada Allah. seperti firman Allah:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا

Sūrah al-Baqarah ( 2 ): 34.

Allah menyampaikan wahyu-Nya kepada Malaikat.Firman Allah:

إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَى الْمَلَائِكَةِ أَتَىٰ مَعَكُمْ فَتَبَيَّنُوا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا

Sūrah al-Anfāl ( 8 ): 12

B. *Wahy* yang diturunkan kepada Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul. Para ulama membahagikan kepada dua cara iaitu:

i..Secara langsung iaitu mimpi yang benar atau dengan cara di balik tirai atau hijab seperti yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī daripada 'A'isyah:

"أول ما بدئ به رسول الله صلى الله عليه وسلم من الوحي الرؤيا الصالحة في النوم فكان لا يرى رؤيا إلا جاءت مثل فلق الصبح."

"Permulaan *wahy* kepada Rasulullah S.A.W ialah mimpi yang benar pada waktu tidur, biasanya mimpi yang dilihatnya itu terang seperti cahaya pagi".<sup>75</sup>

<sup>75</sup> Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalānī ( t.t ), *Fath al-Bārī bi Syarh Sahīh al-Imam Abi Abdillah bin Ismā'īl al-Bukhārī*, j. 1. Kaherah: Dār al-Fikr, h. 22



ii. Perantaraan Malaikat Jibril a.s. berdasarkan Hadis Riwayat Bukhari,

Sabda Rasulullah:

عن عائشة أم المؤمنين رضي الله عنها أن الحرث بن هشام رضي الله عنه سأل رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال يا رسول الله كيف يأتيك الوحي: فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم "أحيانا يأتيني مثل صلصلة الجرس وهو أشده علي فيفصم عني وقد وعيت عنه ما قال", وأحيانا يتمثل لي الملك رجلا فيكلمني فأعي ما تقول" قالت عائشة رضي الله عنها: ولقد رأيته ينزل عليه الوحي الشديد البرد فيفصم عنه وإن جبينه ليتفصد عرقا.

Dari 'A'isyah Ummul Mukminin r.a, bahawa Haris bin Hisyam telah bertanya kepada Rasulullah: "Ya Rasulullah bagaimanakah *wahy* datang kepada Engkau" ? . Sabda Baginda: "Kadangkadangkang *wahy* datang kepada ku seperti bunyi loceng. cara ini yang paling dahsyat aku alami, setelah itu Jibril menjelma di hadapanku. segala kata-katanya ku dengar dan fahaminya dalam keadaan penuh sadar. Kadangkala pula Malaikat Jibril terus menjelma di hadapanku berupa seorang laki-laki, lalu menuturkan sesuatu kepadaku dan aku dengar serta faham segala yang dituturkannya itu dengan penuh sadar." Kata 'A'isyah lagi "Sesungguhnya aku telah menyaksikan Rasulullah didatangi *wahy* pada suatu hari yang amat sejuk. kemudian *wahy* itu menjelma kepadanya, ku perhatikan dahinya basah berpeluh."<sup>76</sup>

Manna Khalil al-Qattan menaqalkan hadis riwayat , Nabi bersabda:

إِنَّ رُوحَ الْقُدُسِ نَفَثَ فِي رُوعِهِ أَنَّهُ لَنْ تَمُوتَ نَفْسٌ حَتَّى تَسْتَكْمَلَ رِزْقَهَا وَأَجْلَهَا، فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمَلُوا فِي الطَّلَبِ.

"Roh kudus telah menghembus ke dalam hatiku bahawa seorang itu tidak akan mati sehingga dia menyempurnakan rezeki dan

<sup>76</sup> Ibid h.18

ajal, maka bertaqwalah kepada Allah dan carilah rezeki dan jalan yang baik.”<sup>77</sup>

## 2.5 CARA *AL-WAHY* DITURUNKAN

Menurut Al-Jaza'iri <sup>78</sup>ada tiga cara *wahy* itu berlaku :*Wahy* secara langsung iaitu dengan cara Allah membersihkan hati hamba pilihan-Nya dari diresapi oleh sebarang kekotoran dan kecacatan jiwa kemudian disampaikan perintah kepadanya. Seseorang nabi itu benar-benar memahami *wahy* itu dan ia yakin itu adalah *wahy Ilahi*.

- A. Allah bercakap secara langsung dengan hamba pilihan-Nya dengan jelas dan terang tanpa dapat melihat empunya suara dan juga dari balik dinding.
- B. Allah mewahyukan kepada seseorang hamba pilihan-Nya untuk menjadi Rasul melalui Malaikat Jibril.

Kesimpulan cara-cara *wahy* diturunkan kepada Nabi Muhammad ialah:

- a. Melemparkan kata-kata yang berat ke dalam jantung hati Baginda ketika itu Rasulullah mendengar suatu suara yang berbunyi berturut-turut dan bertalutalu seperti bunyi loceng berdering.
- b. Jibril menjelma di hadapan Nabi berupa seorang manusia biasa dan menyerupai rupanya yang sebenar hingga Nabi merasa senang berhadapan

---

<sup>77</sup> Mannā' Khalil al-Qattān ( 1997) *op.cit* h 35

dengannya dan kata-katanya yang lembut menyejukkan hati sedikitpun tidak gementar.

c. Menghembuskan hembusan di dalam hati. Nabi tidak melihat Jibril.

d. Nabi berkata-kata dengan Allah dari balik tabir seperti menyeru Nabi Musa dari balik pokok dan Nabi Musa mendengar seruan itu.

e. Sewaktu Nabi Mikraj Baginda diberi *wahy* secara langsung tanpa perantaraan Malaikat.

f. Melalui mimpi yang benar ( رؤيا الصادقة ) atau ( رؤيا الصالحة ) mimpi ini berlaku sebelum baginda menerima *wahy* kali pertama..Menurut baginda sendiri baginda tidak pernah melihat satu mimpi melainkan datangnya seperti cahaya terang pada waktu subuh.

g. Melalui Malaikat Jibril yang menampakkan dirinya seorang lelaki berbicara dengan baginda sehingga memahami apa yang dikatakan.

Sesungguhnya kepayahan Baginda menerima *wahy* menyedarkan kita betapa susah dan beratnya amanah Allah terhadap Baginda. Pernah berlaku tunggangan yang dinaiki Rasulullah rebah tersungkur ke bumi lantaran beratnya *wahy* yang diturunkan kepada Baginda dan pernah di suatu masa yang lain ketika

---

<sup>74</sup>Abū Bakr al-Jazā'irī ( 1986 ), *Aqidah al-Mukmin*. Salahuddin Abdullah (terj. ), j. 2, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 379.

datang *wahy* pahnya menindih paha Zaid bin Thabit oleh terlampau beratnya yang dialami oleh Baginda itu hingga hampir patah paha Zaid ditindihnya.<sup>79</sup>

Penelitian terhadap *wahy* dan cara-cara penurunannya bermaksud untuk memastikan tidak ada campur aduk antara *wahy* yang sebenar dan pemikiran baginda sebagai manusia. Ini diperjelaskan oleh Baginda bahawa Baginda penuh sedar meneliti setiap patah perkataan yang dituturkan oleh Jibril yang kemudiannya Baginda mengikutinya satu demi satu. Rasulullah sedar baginda adalah manusia lemah berhadapan dengan keagungan Allah, jiwanya sentiasa gelisah: takut Allah menghentikan wahyu-Nya lantaran itu baginda sentiasa berdoa.<sup>80</sup>

## 2.6 KEBENARAN WAHY

Al-Qur`ān ialah *wahy* yang diturunkan menerusi cara-cara di atas. Rasulullah sentiasa berhati-hati agar Baginda benar-benar menyampaikan wahyu bukannya fikiran dan perkataan Baginda sendiri, kerana itulah Baginda pernah melarang para sahabat menulis sesuatu daripadanya selain al-Qur`ān. Allah memberi amaran kepada Nabi seperti firman-Nya:

وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ الْأَقَاوِيلِ ﴿٤٤﴾ لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ ﴿٤٥﴾ ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ ﴿٤٦﴾

---

<sup>79</sup>Dr. Subhi Salleh ( 1985 ), *op. cit.*, h.28.

<sup>80</sup>ibid.

## 2.7 PENENTANGAN TERHADAP WAHYI DAN AL-QUR'ĀN.

Setiap Nabi dan Rasul yang dibangkitkan oleh Allah pasti akan menghadapi fitnah dan *mehnah*, ditentang dan dimusuhi oleh kaumnya. Penentangan adalah sebagai asam garam dan perencah dalam kehidupan dan perjuangan mereka. Proses penentangan itu berpanjangan sehingga Allah memberi kemenangan kepada mereka dan menghancurkan musuh-musuh mereka. Penentangan terhadap al-Qur'ān atau *wahy* ini bermula sebaik sahaja Nabi Muhammad mengisytiharkan keNabiannya kepada khalayak.

Penentangan datangnya daripada golongan bawahan hinggalah kepada pemimpin-pemimpin atasan dan daripada seorang yang buta huruf hinggalah kepada sasterawan yang terkenal. Dua bentuk cabaran al-Qur'ān terhadap penentang-penentangnya<sup>83</sup> iaitu:

### 1. Tentangan umum. ( kulli )

Bentuk tentangan ini ditujukan kepada semua makhluk. Sama ada golongan ahli-ahli falsafah, cendekiawan, ulama atau *ahl al-kitab, hukama'* atau sesiapa sahaja. Sama ada bangsa Arab atau Ajam. muslim atau kafirin seperti firman Allah:

قُلْ لِّمَنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا  
يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا



<sup>83</sup> Muhammad Ali al-Sabūnī ( 1996 ) *Sejarah dan Dasar Pengajian Ilmu al-Qur'ān*. M Junaidi al-Hashimi ( terj ) Kuala Lumpur: Hidayah h 130.

Maksud:

Katakanlah Sesungguhnya jika berhimpun manusia dan jin hendak membuat seumpama al-Qur'ān ini nescaya mereka tidak dapat membuat seumpama al-Qur'ān ini, meskipun sebahagian mereka saling bekerjasama.

Sūrah al-Isrā' ( 17 ) : 88

Aspek tentangan ini juga terbahagi kepada dua iaitu:

Tentangan *kulli* (keseluruhan). Tentangan keseluruhan al-Qur'ān meliputi hukum, keindahan, *balāghah* atau *bayānnya* seperti firman Allah:

فَلْيَأْتُوا بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِ إِنْ كَانُوا صَادِقِينَ ﴿٣٤﴾

Maksud:

Maka hendaklah mereka mendatangkan kalimat semisal al-Qur'ān itu jika mereka orang-orang yang benar.

Sūrah Al-Tur ( 52 ):34

قُلْ فَأْتُوا بِكِتَابٍ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ هُوَ أَهْدَىٰ مِنْهُمَا أَتَّبِعُهُ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Maksud:

Katakanlah " Datangkanlah olehmu sebuah kitab dari sisi Allah yang kitab itu lebih memberi petunjuk daripad kedua-duanya ( Tawrat dan al-Qur'ān ) nescaya aku mengikutinya, jika kamu sesungguhnya orang-orang yang benar.

Sūrah al-Qaṣaṣ ( 28 ) : 49

Tentangan *juz'i* (sebahagian ) iaitu supaya mendatangkan satu surah sahaja yang menyerupai surah-surah al-Qur'ān, firman Allah:

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَنَاهُ قُلْ فَآتُوا بِعَشْرِ سُوَرٍ مِّثْلِهِ مُفْتَرِيَتٍ وَادْعُوا مَنِ  
 اسْتَطَعْتُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٣﴾

Maksud:

Bahkan mereka mengatakan “ Muhammad telah membuat al-  
 Qur’an itu” Katakanlah kalau demikian maka datangkanlah  
 sepuluh surah-surah yang dibuat yang menyamainya, dan  
 panggillah orang-orang yang kamu sanggup selain Allah jika  
 kamu orang-orang yang benar”

Sūrah Hud (11):13

## 2. Tentang Khusus :

Aspek ini ditujukan khusus kepada bangsa Arab di mana Nabi Muhammad  
 S.A.W. datang kepada mereka dengan membawa ajaran dan agama baru sekaligus  
 membatalkan agama mereka. Nabi Muhammad S.A.W. membaca wahyu yang  
 berupa al-Qur’an kepada mereka sebagai bukti kebenaran risalahnya. Baginda  
 mencabar mereka agar mendatangkan seumpama al-Qur’an walau satu surah  
 sahaja. Namun mereka tidak berupaya sekalipun di kalangan mereka tokoh dan  
 cendikiawan bahasa yang terkenal.

Bertolak daripada kelemahan itu Allah dengan gaya sindiran yang tajam  
 menegaskan bahawa manusia tidak akan mampu selama-lamanya untuk mencipta  
 seumpama al-Qur’an itu sekalipun semua manusia bergabung tenaga. Malahan  
 Allah mengingatkan agar takut kepada azab-Nya yang amat pedih, manusia dan  
 batu menjadi bahan bakarannya. Oleh itu, penentangan terhadap al-Qur’an itu

adalah sia-sia kerana Allah dengan tegas menyatakan al-Qur'an itu adalah diturunkan oleh Allah dan tetap memeliharanya seperti firman-Nya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksud:

Sesungguhnya Kami yang menurunkan al-Qur'an maka Kamilah yang memeliharanya.

Sūrah al-Hijr (15) : 9

Terdapat di kalangan penentang-penentang al-Qur'an itu mengakui al-Qur'an bukan ciptaan manusia seperti Labid Abu Rabi akhirnya memeluk Islam, beliau terpengaruh dengan keindahan bahasa dua ayat-ayat al-Qur'an seperti firman Allah:

الْم ﴿١﴾ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ  
بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾

Maksud:

Alif Lam Mim Kitab ( al-Qur'an ) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka bertaqwa. Mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian rezeki yang kami anugerahkan kepada mereka.

Sūrah al-Baqarah ( 2 ):1



Firman Allah:

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ وَّ دَهَبَ اللَّهُ  
بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٧﴾

Maksud:

Perumpamaan mereka adalah seperti orang yang menyalakan api, maka setelah api itu menerangi sekeliling mereka. Allah hilangkan cahaya mereka, dan membiarkan mereka dalam kegelapan, tidak dapat melihat.

Sūrah al-Baqarah ( 2 ):17.

Keadaan yang sama berlaku kepada beberapa orang terkemuka Quraisy yang lain seperti Walid bin Mughirah, Utbah bin Rābiah dan Naḍar bin Haris. Mereka kagum dengan ketinggian bahasa al-Qur'ān oleh kerana mereka merupakan intelektual ketika itu tetapi disebabkan kehidupan mereka yang dikelilingi dan diselimuti kekayaan dan berkepentingan menyebabkan hati mereka tertutup daripada hidayah dan petunjuk Allah. Al-Qur'ān tetap kekal sepanjang zaman walaupun penentangannya barangkali tidak seperti pada zaman awalnya namun bentuk-bentuk penentangan itu sentiasa diperbaharui oleh musuh-musuhnya.

## 2.8 KESIMPULAN

Secara umumnya al-Qur'ān adalah sebahagian daripada *al-Wahy* kalam Allah yang diturunkan kepada Rasul-Nya Muhammad S.A.W.yang menjadi ibadat apabila membacanya, mengandungi risalah dan dakwah, hidayah dan keimanan,

perintah dan larangan yang disasarkan kepada semua manusia. Tanpa wahyu Nabi Muhammad tidak mungkin dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna samalah dengan Nabi-Nabi yang terdahulu yang juga menerima wahyu. Oleh itu, al-Qur'an dan wahyu dua perkara yang saling berkaitan sebagai bukti bahawa Muhammad S.A.W. tidak sekali-kali berdusta atau mengada-adakan sesuatu. Wahyu Allah inilah yang mengangkat martabat manusia dan meninggikan peradaban mereka. Kesahihan al-Qur'an adalah jelas sekalipun menghadapi tentangan sepanjang zaman, al-Qur'an tetap mengunggulinya berbanding dengan kitab-kitab samawi yang terdahulu. Ini membuktikan bahawa al-Qur'an adalah wahyu bukan ciptaan Muhammad S.A.W.

Sesungguhnya al-Qur'an mempunyai ciri-ciri yang lengkap dan sempurna sebagai sebuah kitab samawi dan *wahy* yang diturunkan oleh Allah, antara ciri-ciri tersebut ialah:

- i. Terdapat unsur-unsur kemukjizatan yang tidak mampu ditandingi oleh sesiapa pun kemukjizatannya kekal dan subur sepanjang zaman hingga ke hari kiamat.
- ii. Tidak terdapat pertentangan dalam semua aspek yang berkaitan dengannya samaada dari aspek isi kandungan, perkataan, ayat-ayat, hukum-hakam dan lain-lainnya.
- iii. Terdapat ayat-ayat yang mencela dan menegur serta membetulkan sebarang kesilapan yang dilakukan oleh Rasulullah sebagai bukti bahawa ianya bukan ciptaan Nabi Muhammad.
- iv. Pengiktirafan oleh musuh-musuhnya bahawa al-Qur'an adalah diturunkan oleh Allah bukan ciptaan manusia.

- v. Terpelihara keasliannya tidak ada tokoh tambah dan pengubahan suaian seperti kitab-kitab samawi yang lain.

Ciri-ciri tersebut di atas tidak ada pada kitab-kitab panduan yang lain sekalipun pada kitab-kitab samawi yang terdahulu. Justeru al-Qur'ān tetap unggul hingga ke hari kiamat.